

09/06/2002

Pertemuan PM, Pope detik bersejarah: Ling

SEPANG: Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik menyifatkan pertemuan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan Ketua Gereja Katolik, Pope John Paul II, di Vatican City sebagai detik paling bersejarah demi keamanan sejagat.

Katanya, ia bukan saja menjadi kebanggaan warga Malaysia, malah rantau ini dan dunia Islam kerana Perdana Menteri turut mencadangkan formula perdamaian bagi menghentikan keganasan di Asia Barat.

"Pertemuan Perdana Menteri dan Pope adalah pertemuan bersejarah di mana seorang pemimpin negara Islam seperti Malaysia, yang bukan saja moden, tetapi juga mengamalkan dasar sederhana dan pesat membangun dijemput oleh Pope.

"Dr Mahathir pemimpin yang sudah berbakti kepada negara dan rantau ini, tetapi dunia Islam secara keseluruhan," katanya.

(END)